

# Gazet sebagai kawasan hutan simpan kekal

**PULAU PINANG 25 Mei** - Penguatkuasaan yang lemah dilihat antara punca yang menyebabkan kawasan bukit di Cameron Highlands kembali diteroka secara haram.

Sambil melahirkan rasa kesal dengan perkembangan terbaharu itu, penyelidik berkaitan alam sekitar Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Chan Ngai Weng berkata, pihak berwajib sepatutnya sudah belajar daripada kesilapan ketika isu penggondolan sama didedahkan sebelum ini.

Beliau yang juga Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Rangkaian, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM menambah, kejadian sebelum ini dengan jelas menunjukkan kawasan bukit di Cameron Highlands sangat sensitif, sekali gus memerlukan pemantauan rapi.

Sehubungan itu, beliau melihat sudah tiba masanya untuk kawasan bukit di Cameron Highlands digazetkan sama ada sebagai kawasan hutan simpan kekal negeri atau Persekutuan, sekali gus dilindungi di bawah peruntukan undang-undang.

“Tanah di Cameron Highlands mudah berderai kerana terlalu lembut disebabkan taburan hujan yang tinggi.

“Maka, sebarang bentuk kerja tanah atau aktiviti pertanian perlu dilaksanakan dengan berhati-hati seperti berteres, organik atau secara penuaian air hujan (rainfall harvesting),” katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang mendedahkan kira-kira 7.28 hektar lagi kawasan bukit di Cameron Highlands dikesan diceroboh dengan aktiviti pertanian haram.